


Beri inspirasi teroka bidang penyelidikan



Nasihat PPDB : Sentiasa berwaspada, ambil langkah berjaga-jaga

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BRUNEI MUARA, Ahad, 27 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk sentiasa berwaspada juga mengambil langkah berjaga-jaga ke atas diri, keluarga dan harta benda mereka, di sepanjang penghujung tahun 2020 ini.

Dalam pada itu, PPDB juga mengongsikan langkah-langkah keselamatan ketika hendak meninggalkan rumah kediaman dan kenderaan seperti berikut:

1. Jika hendak meninggalkan rumah, pagar, pintu dan jendela rumah hendaklah sentiasa dipastikan tertutup rapi dan berkunci, jangan membiarkan perkakas, seperti tukul, pemutar skru (*screw driver*), tangga dan seumpamanya berada di luar kawasan rumah kerana ia boleh sahaja digunakan oleh penjenayah melakukan pecah rumah atau pecah kereta.

2. Memasang alat penggera dan kamera litar tertutup (CCTV) dan memastikan kawasan luar rumah hendaklah sentiasa diterangi dengan cahaya lampu yang mencukupi.

3. Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak membiarkan barang-barang berharga ditinggalkan di luar kawasan rumah atau dalam kenderaan, di mana ia boleh menjadi daya tarikan penjenayah.

4. Semasa meninggalkan rumah untuk membawa bersama barang berharga dan dokumen-dokumen penting. Segala wang ringgit, barang-barang kemas juga barang-barang bernilai hendaklah disimpan di tempat-tempat yang difikirkan selamat yang tidak mudah diketahui.

5. Disarankan untuk meninggalkan pesan kepada jiran tetangga dan maklumkan pemergian ke Balai-balai Polis berhampiran untuk membantu melihat dan memerhati kawasan rumah semasa ketiadaan di rumah dalam tempoh masa yang lama.

6. Simpan nombor-nombor penting, seperti talian-talian kecemasan dan nombor jiran tetangga, jangan biarkan rumah dalam keadaan gelap juga meninggalkan sebarang petunjuk rumah tidak ada berpenghuni kerana ia boleh mengundang penjenayah.

7. Apabila ingin melakukan urusan untuk mengeluarkan wang, sama ada melalui kaunter bank maupun dari mesin ATM, pastikan awda sentiasa ditemani dan untuk tidak membiarkan warga emas pergi mengeluarkan wang bersendirian.

8. Menanamkan sikap disiplin atau pemanduan yang berhemah dengan sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya juga mengikut arahan papan-papan tanda keselamatan.

9. Jangan memandu laju melebihi had yang dibenarkan dan amalkan mengubah sikap untuk memperlakukan kelajuan kenderaan, jangan sekali-kali menggunakan telefon bimbit semasa memandu, sama ada membuat panggilan atau membuat pesanan ringkas, sentiasa menggunakan tali pinggang keselamatan semasa memandu.

10. Ditekankan untuk tidak memandu ketika mengantuk dan hendaklah melakukan pemeriksaan pada kenderaan untuk memastikan kenderaan selamat untuk dipandu, jangan jadikan jalan raya sebagai litar perlumba dan yang lebih penting untuk mempunyai rasa sikap bertolak ansur, bertimbang rasa juga sama-sama bertanggungjawab akan keselamatan diri dan pengguna jalan raya yang lain.

11. Jangan meninggalkan barang berharga di dalam kereta semasa meninggalkan kenderaan di kawasan perayaan atau tempat membeli belah, di mana ia boleh menarik perhatian si penjenayah untuk melakukan perkara yang tidak diingini, seperti memecah cermin kereta dan mengambil barang tersebut.

Di samping itu, pihak Polis turut menjelaskan bahawa jika terdapat perkara-perkara yang mencurigakan berbaur jenayah untuk segera menghubungi pihak Polis menerusi Talian Kecemasan Polis 993 atau datang ke Balai-balai Polis berhampiran untuk tindakan segera.

ROMBONGAN pada sesi bergambar ramai pada Program Lawatan Ilmiah Sambil Belajar di Dalam Negara untuk Tenaga Akademik & Mahasiswa FEKIm, UNISSA ke YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) mengadakan Program Lawatan Ilmiah Sambil Belajar di Dalam Negara untuk Tenaga Akademik & Mahasiswa FEKIm, UNISSA ke beberapa buah institusi terpilih.

Lawatan sehari melibatkan seramai 59 orang, terdiri daripada para pensyarah dan mahasiswa Tahun 3 FEKIm, UNISSA tersebut diadakan secara serentak ke institusi-institusi terpilih, iaitu Jabatan Mufti Kerajaan (JMK); Pusat Pembangunan Belia (PPB); Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB); Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Brunei Shell Marketing (BSM); dan Bank Usahawan.

Objektif lawatan, untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu, di samping mengenal pasti juga meneroka potensi bidang-bidang penyelidikan di dalam negara yang dapat dikembangkan oleh Tenaga Akademik FEKIm, UNISSA menerusi konsep penemuan dan pengalaman langsung, berdasarkan projek.

Program Lawatan Ilmiah Sambil Belajar adalah penting kerana ia dapat membuka minda dan memberikan inspirasi kepada

para pensyarah untuk meneroka suatu bidang penyelidikan, bahkan penting untuk mahasiswa memahami dengan jelas bidang pengajaran yang mereka ikuti.

Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran kadang kalanya amat sukar untuk disampaikan dan difahami melalui ungkapan di bilik-bilik kuliah.

Justeru, penyampaian dan pemahaman yang lebih tepat juga jelas hanya dapat dibuat menerusi proses teroka dan lihat.

Tambahan aktiviti penyelidikan dan pembelajaran menerusi kaedah lawatan sangat efektif dalam mengembangkan kemahiran, keintelikualan, profesionalisme juga kredibiliti para pensyarah dan mahasiswa.

Melihat kepentingan Program Lawatan Ilmiah Sambil Belajar yang dapat dijadikan sebagai mekanisme pengembangan proses pengajaran dan pembelajaran yang mapan, maka program seumpamanya akan terus dijadikan platform penting dalam usaha membina kecemerlangan juga profesionalisme tinggi dalam bidang akademik dan penyelidikan daripada kalangan mahasiswa juga Tenaga Akademik FEKIm, UNISSA.

Krew Pengakap Kelana 1033 agihkan pek makanan



KREW Pengakap Kelana 1033 (Rover Scout Crew 1033) semasa sesi bergambar ramai pada Projek Infak Akhir Tahun 2020 berkenaan (atas), manakala gambar bawah, pek makanan diagih-agihkan kepada jemaah masjid setelah selesai Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.

GADONG, Ahad, 27 Disember. - Bagi mendukung Hari Bertindak (Day of Action), Krew Pengakap Kelana 1033 (Rover Scout Crew 1033) mengungkayahkan Projek Infak Akhir Tahun 2020.

Projek yang berupa sedekah pek makanan diagih-agihkan kepada jemaah masjid setelah selesai Sembahyang Fardu Jumaat.

Projek berkenaan dilaksanakan pada 25 Disember lalu di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.

Objektif pelaksanaan projek berkenaan adalah untuk memberikan pendedahan kepada Ahli-ahli Pengakap Kelana 1033 tentang infak (sedekah) di jalan Allah, mewujudkan suasana kesukarelawan dan keprihatinan sesama sendiri dan seterusnya untuk sentiasa bersyukur dan berterima kasih atas bantuan orang lain.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

